

0558

U 8357 BAH  
SELANGOR - MUHAMMAD

KUALA LUMPUR, 13 SEPT (BERNAMA) -- **BADAN PERHUBUNGAN UMNO NEGERI SELANGOR** PETANG INI MENYERAHKAN MANDAT BERHUBUNG MASALAH YANG DIHADAPI OLEH MENTERI BESAR SELANGOR, TAN SRI MUHAMMAD HAJI MUHAMMAD TAIB EKORAN PERKAHWINANNYA DENGAN PUTERI SULTAN SELANGOR, KEPADA PERDANA MENTERI, DATUK **SERIDRMAHATHIR MOHAMAD**.

MANDAT ITU BERUPA RESOLUSI DARIPADA **BADAN PERHUBUNGAN UMNO NEGERI SELANGOR** MENGENAI PERKARA TERSEBUT, KATA **SETIAUSAHANYA**, DATUK HAJI ONN HAJI **ISMAIL** KEPADA PEMBERITA SELEPAS PERTEMUAN KIRA-KIRA 45 MINIT ANTARA **BADAN** ITU DAN **PERDANA MENTERI** DI JABATAN **PERDANA MENTERI** DISINI.

KATANYA, **PENDIRIAN** **BADAN PERHUBUNGAN UMNO NEGERI SELANGOR** SEKARANG IALAH MENYERAHKAN MASALAH ITU KEPADA **PERDANA MENTERI** UNTUK PENYELESAIAN.

DATUK HAJI ONN **BERKATA**, MANDAT TERSEBUT DISERAHKAN KEPADA **PERDANA MENTERI** OLEH **TIMBALAN Pengerusi** **BADAN PERHUBUNGAN UMNO NEGERI**, DATUK ABU HASSAN **OMAR**, YANG **JUGA** MENTERI LUAR.

BELIAU **BERKATA**, KESEMUA **KETUA BAHAGIAN** NEGERI ITU **HADIRPADA** PERTEMUAN ITU MELAINKAN **BAHAGIAN HULU SELANGOR** YANG DIWAKILI OLEH **TIMBALAN** **KETUA BAHAGIAN**, DATUK HAJI RAMLI ABDUL RAHMAN. **KETUA BAHAGIAN HULU SELANGOR** IALAH TAN SRI MUHAMMAD.

**KETUA PEMUDA**, ENCIK KAMARUDDIN **AHMAD** DAN **KETUA WANITA**, DATIN PADUKA HAJAH ZALEHA **ISMAIL** TURUT HADIR MANAKALA **PEMANGKU MENTERI BESAR**, DATUK HAJI ABU SUJAK HAJI MAHMUD HADIR SEBAGAI **KETUA BAHAGIAN SHAH ALAM**. -- BERNAMA  
2047MST 13 09 89